

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 18/6/2016

Muka surat: 7

Tajuk : UNIMAS dan Cornell jalin kerjasama

Utusan Sarawak**TEMPATAN**

SABTU • 18 Jun 2016 • 13 Ramadan 1437H •

7

UNIMAS dan Cornell jalin kerjasama

SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menjadi universiti pertama di rantau Borneo yang menjalankan kerjasama dalam 'Service learning programme' dengan Universiti Cornell.

Majlis simbolik Memorandum Perjanjian (MOA) di antara UNIMAS dan Universiti Cornell telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, semalam.

Hadir mewakili UNIMAS bagi simbolik penyerahan MOA itu ialah Timbalan Naib Canselor UNIMAS (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr Kopli Bujang, manakala Universiti Cornell diwakili oleh Profesor Shonna B. Allred.

Profesor Shonna semasa melihat kerjasama bersama UNIMAS adalah peluang yang baik untuk pelajar mereka menimba lebih banyak pengalaman dalam bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan.

"Seramai lapan orang pelajar kita telah diantar ke sini untuk bersama-sama dengan pelajar UNIMAS mempelajari hal-hal berkaitan perkhidmatan dan permasalahan masyarakat dan sebagainya.

"Kita memilih UNIMAS untuk tujuan MOA ini kerana kita percaya universiti ini mempunyai kekuatan di dalam hal-hal berkaitan kemasyarakatan," katanya.

Sementara itu, Profesor Dr Kopli berkata, kerjasama di antara dua universiti ini dilihat dapat memupuk hubungan yang erat di antara penyelidik dan masyarakat.

Program ini, katanya, yang dikendalikan oleh Institut Informatik Sosial dan Inovasi Teknologi (ISITI) akan mengintegrasikan perkhidmatan kepada masyarakat untuk pembelajaran para pelajar UNIMAS dan Universiti Cornell.

Kerjasama ini akan melihat kepada penyertaan bersama pelajar dari kedua-dua universiti ini dalam kepentingan bersama terutama dalam pertukaran budaya, akademik dan lain-lain.

"Kita berharap kerjasama ini nanti dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada masyarakat dan universiti, tetapi kepada pelajar-pelajar itu sendiri," katanya lagi.

Sementara itu, ISITI telah menerima kohort pelajar perta-

ma dari Universiti Cornell awal Januari lepas untuk membantu ke tapak-tapak penyelidikan seperti di Bario dan Long Lamai.

Lapan pelajar Universiti Cornell dan tiga pelajar UNIMAS telah bersama-sama terlibat dalam pelbagai aktiviti di dua kawasan berkenaan berkaitan dengan pemuliharaan budaya, alam sekitar, ekopelancongan dan sebagainya.

Sebaik tamat pembelajaran di tapak penyelidikan itu kelak, para pelajar akan bersama-sama berkongsi pengalaman dan pandangan mereka melalui sesi refleksi.

Perkongsian pandangan dan idea ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar tetapi juga menjadi satu penyelidikan yang berpotensi untuk membantu dalam isu-isu pembangunan yang mampan.

KERJASAMA... Prof Dr Kopli (tiga dari kanan) dan Prof Shonna (tiga dari kiri) saling bertukar dokumen sebagai simbolik penyerahan MoA antara UNIMAS dan Universiti Cornell.

